

30/08/2002

PM ajak rakyat bersatu, ketepi perbezaan

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat daripada pelbagai kaum supaya mengetepikan perbezaan antara mereka dan berikrar menjadi rakyat Malaysia bersatu menjelang sambutan Hari Kemerdekaan ke-45, Sabtu ini.

Perdana Menteri mahu perbezaan keturunan, bahasa, budaya dan agama diketepikan dengan melihat diri mereka sendiri sebagai warga negara Malaysia.

"Negara kita adalah negara pelbagai kaum dan tiada satu masa yang kita dapat menunjuk perpaduan kaum di negara kita Malaysia seperti pada masa kita merayakan ulang tahun kemerdekaan negara kita.

"Pada hari ulang tahun ini, kita patut berasa bahawa kita semuanya rakyat Malaysia daripada semua kaum," katanya dalam ucapan ringkas di hadapan kira-kira 2,000 rakyat pelbagai kaum termasuk pelajar pada majlis penyerahan kad ucapan Hari Kebangsaan ke-45 di Dataran Perdana di sini, petang ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima kad ucapan daripada murid sekolah dan 32 pertubuhan yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat termasuk masyarakat Siam di negara ini. Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri kelihatan sebak ketika menyampaikan ucapan itu dalam keadaan hujan renyai-renyai dan diselangi dengan laungan Merdeka daripada hadirin. Beliau kemudian bersalam dengan mereka selain menandatangani autograf serta bergambar dengan pelajar.

Dr Mahathir berkata, perpaduan kaum amat penting bagi kesejahteraan dan keamanan negara.

"Kita sedang bersiap sedia untuk merayakan ulang tahun ke-45 bagi kemerdekaan negara kita. Saya amat terharu dengan sokongan dan perasaan yang ditunjuk terhadap kemerdekaan kita sehingga kita berkumpul di mana saja dan mengibarkan Jalur Gemilang, bendera kita.

"Sebenarnya, setiap tahun saya terima kad selamat hari kemerdekaan kita. Tetapi nampaknya semakin lama semakin ramai yang datang untuk menyatakan penghargaan terhadap kemerdekaan negara kita.

"Saya ucap banyak terima kasih kerana kita menghargai kemerdekaan negara kita. Selagi kita menghargai kemerdekaan, saya yakin negara kita akan terus aman dan akan terus makmur," katanya.

Beliau berkata, usaha memupuk perpaduan rakyat pelbagai kaum, rakyat hendaklah sentiasa mengutamakan negara dan sebagai rakyat Malaysia.